

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, February 5, 2020 9:03 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MoU UUM DAN SUAN DUSIT UNIVERSITY, THAILAND TINGKAT HUBUNGAN DUA HALA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 FEBRUARI 2020 / 11 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MoU UUM DAN SUAN DUSIT UNIVERSITY, THAILAND TINGKAT HUBUNGAN DUA HALA



UUM ONLINE: Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan Suan Dusit University (SDU, Thailand telah melakar satu lagi kejayaan penting antara kedua universiti terkemuka dari dua negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, MoU ini adalah penting dalam perkongsian strategik antara UUM dan SDU di peringkat antarabangsa, sekali gus meningkatkan hubungan dua hala sedia ada di antara dua institusi kami.universiti.

Menurutnya, kerjasama antara UUM dan SDU telah lama terjalin sejak 2013 apabila kedua universiti ini melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar dan ahli akademik seperti program mobiliti sarjana muda dan persidangan.

Katanya, UUM juga telah menerima beberapa pelajar pasca siswazah dari SDU.

"SDU merupakan satu pilihan tepat kerana universiti tersebut dapat membantu meningkatkan aspirasi UUM untuk menjadi universiti pilihan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Kerjasama ini dilihat sebagai penting dalam memastikan kemampanan pembangunan pendidikan tinggi di negara kita, bukan sahaja dalam bidang akademik malah dalam usaha mempromosikan nilai-nilai murni dalam pembangunan masyarakat kedua buah negara," katanya pada Majlis Menandatangani MoU Antara UUM dengan SDU, Thailand di Balai Tamu, semalam.

MoU tersebut telah ditandatangani beliau yang mewakili Naib Canselor, manakala SDU diwakili Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa dan Perhubungan Pelanggan, SDU, Dr. Pornchanit Kaew-nate.

Sementara itu, Dr. Pornchanit berkata, beliau gembira apabila dapat meneruskan kerjasama dengan UUM dalam bidang akademik terutama melibatkan program pengajian.

"Selain itu, UUM juga sangat mengagumkan dengan persekitaran, fasiliti dan hospitaliti daripada staf di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC)," katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.